

KERATAN AKHBAR

UTUSAN MALAYSIA

03 JANUARI 2019(KHAMIS)



SHAHANIZA SHAMSUDDIN (depan, tiga dari kanan) bersama aktivis loghat Pahang dalam program 'Geme Loghat Pahang' di Maran, baru-baru ini.

Populararkan loghat Pahang yang unik

MARAN 2 Jan. - Dialek atau loghat Pahang bersendikan aliran arus Sungai Pahang yang menjadi teras ketamadunan Melayu Pahang perlu terus dipopularkan kerana memiliki keindahan intonasi yang unik.

Pengubah lagu rakyat terkenal, Afzamnizam Ismail berkata, loghat Pahang mempunyai nilai komersial tersendiri kerana peputut jati dialek berkenaan berbeza mengikut daerah.

"Menyedari keunikan dialek Pahang, kami menganjurkan 'Geme Loghat Pahang' di setiap daerah di negeri ini. Kami menelaajah ke seluruh negeri bagi mempopularkan lagi bahasa

daerah di samping mencungkil budaya tradisi tempatan untuk diketengahkan," katanya selepas majlis 'Geme Loghat Pahang' di sini baru-baru ini.

Dalam pada itu, Pengerusi Jawatankuasa Kebudayaan, Perpaduan, Kebajikan Masyarakat, Pembangunan Wanita dan Keluarga negeri, Datuk Seri Shahhaniza Shamsuddin berkata, kerajaan negeri akan memberi sokongan kepada pertubuhan bukan kerajaan (NGO) untuk mempopularkan loghat Pahang ke seluruh negara.

Beliau mahu loghat Pahang turut dikenali sebagaimana loghat Kedah, Kelantan, Terengganu, Pulau Pinang dan Negeri Sembilan.

"Malah beberapa perkataan Pahang sudah dikenali masyarakat luar seperti perkataan 'popalih', 'moh la weh', 'rodong' dan 'kas'. Pahang begitu unik kerana mempunyai loghat paling banyak dan berbeza antara daerah," katanya.

Menurutnya, medium paling berkesan untuk mempopularkan loghat Pahang adalah melalui lagu yang boleh disiarkan melalui radio dan televisyen selain media sosial.

"Selain loghat, kerajaan negeri akan mempopularkan makanan, permainan tradisional serta pakaian tradisi Pahang kepada masyarakat tempatan serta luar," katanya.